

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2016 (RABU)

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pembelian saham Eagle High Plantations (EHP) oleh Felda Global Ventures Holdings (FGVH) telah ditamatkan dan apa terjadi dengan US\$174.5 juta yang telah dibayar sebagai “non-refundable deposit”. Adakah FELDA akan mengambil-alih sebagai pembeli saham EHP.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status rundingan pembelian kepentingan dalam High Eagle Plantation (EHP) oleh Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) masih di peringkat rundingan dan tiada sebarang keputusan rasmi dibuat setakat ini.

Berdasarkan kenyataan FGV kepada Bursa Malaysia pada 1 Disember 2015, proses rundingan pembelian dilanjutkan sehingga akhir 2016 dan sebarang perkembangan mengenai rundingan berkenaan akan diumumkan kepada Bursa Malaysia dan awam.

Setakat ini tiada sebarang pembayaran atau deposit telah dilakukan oleh pihak FGV kepada EHP seperti yang dinyatakan.

Seterusnya mengenai FELDA akan mengambilalih sebagai pembeli saham EHP, perkara ini masih lagi di peringkat perbincangan dan belum dimuktamadkan dengan mana-mana pihak.

Sekian. Terima kasih.